

01/03/2003

Haramkan peperangan elak dunia porak peranda

Prof Madya Dr Azmi Hassan

SARANAN Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya peperangan diharamkan mungkin menyentak ramai pemimpin NAM pada perasmian Sidang Kemuncak Ke-13 pergerakan itu, 24 Februari lalu.

Tersentak kerana ia ditujukan khas kepada kuasa besar tunggal dunia, Amerika Syarikat (AS), berdasarkan situasi konflik yang mencengkam anggota NAM, iaitu Palestin, Iraq dan Korea Utara.

Besar kemungkinan AS tidak mempedulikan saranan itu kerana anggota NAM terdiri daripada negara yang secara tradisinya tidak mempunyai kekuatan ketenteraan atau kuasa ekonomi.

Tetapi secara kolektif, NAM mempunyai suara kuat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana dua pertiga daripada 191 ahli PBB terdiri daripada anggota NAM.

Syor supaya dihadkan penyelidikan dan pembangunan terhadap senjata peperangan perlu diberi perhatian lebih serius kerana kekuatan senjata yang dimiliki AS dan sekutunya seperti Israel menyebabkan mereka begitu angkuh dan bongkak dalam segala tindak-tanduk mereka.

Sistem Pertahanan Peluru Berpandu Nasional (NMD) yang sedang dibangunkan oleh AS akan menjadikan negara itu sebagai kuasa besar tunggal yang tiada tolok bandingnya.

NMD sebenarnya dibangunkan untuk mengekang pengaruh Russia dan China dan bukannya kerana ancaman negara `paksi kejahatan`.

Russia dan China amat menyedari hakikat ini tetapi tidak mampu menyekat AS. Malah, Russia diperlekehkan kerana AS telah membatalkan secara unilateral Perjanjian Anti-Peluru Berpandu Balistik (ABM) yang ditandatangani pada 1972.

China juga sedang berhadapan dengan Taiwan yang lebih berani gara-gara sistem pertahanan ala `Star Wars` kerana teknologi NMD juga disalurkan kepada negara itu.

Israel juga begitu galak menyuruh AS supaya menyerang Iraq kerana rejim Yahudi itu juga mempunyai teknologi NMD yang dinamakan Patriot yang sudah pasti dapat menangkis serangan peluru berpandu Iraq.

Ironisnya, negara yang mempunyai teknologi NMD seperti AS, Britain, Australia, Taiwan dan Israel adalah sebenarnya negara yang memiliki senjata pemusnah besar (WMD).

Ini kerana selain untuk pertahanan, peluru berpandu NMD juga boleh digunakan untuk serangan.

Satu lagi isu pembangunan senjata yang dijangka akan mengubah senario percaturan ketenteraan ialah Program Pembangunan Jet Pejuang Serangan Bersama yang diusahakan AS.

Jika pembangunan NMD tidak memberi impak secara terus terhadap kedaulatan Malaysia, dijangkakan pembangunan JSF akan memberi kesan mendalam terhadap pentadbiran keselamatan negara.

Jet pejuang JSF dibangunkan Lockheed Martin yang digelar F-35 adalah jet terancang dan dianggap jet pejuang generasi baru. Malah, kemampuan jet pejuang sedia ada seperti F-16, F/A-18, F-111, A-10, Sea Harrier dan MiG-29 tidak mampu menandingi kecanggihan peralatan F-35.

Malah, negara yang bakal memiliki F-35 dikatakan akan melonjak sehingga 30 tahun ke hadapan dari segi penguasaan ruang udara.

Keluaran pertama F-35 yang bernilai RM160 juta setiap sebuah dijangka seawal 2008 dengan tiga cabang perkhidmatan tentera AS, iaitu udara, laut

dan marin, dijangka memperoleh 4,500 F-35 apabila pembangunan program JSF siap sepenuhnya.

Penggunaan F-35 akan membuat kekuatan udara tentera AS lebih berkuasa dan terulung tetapi apa yang lebih menarik dan dikatakan amat berbahaya ialah AS telah pun menentukan negara manakah yang boleh memiliki jet pejuang F-35.

Seperti biasa, hanya sekutu kuat AS diberi keutamaan memiliki F-35 seperti Britain, Itali, Belanda, Kanada, Denmark, Norway, Turki dan Israel. Singapura, jiran terdekat Malaysia, juga menerima jemputan AS untuk menyertai program pemilikan F-35.

Negara yang menyertai program ini diletakkan pada tahap tertentu, bergantung kepada sumbangan kewangan yang diberi untuk kemajuan program JSF. Britain, umpamanya, berada pada tahap satu kerana sumbangan RM8 bilion.

Kedudukan tahap satu memberikan peluang kepada Britain menyertai proses membuat keputusan dari mula hingga akhir pembangunan program JSF.

Keistimewaan itu dianggap kritikal kerana F-35 boleh dibangunkan mengikut keperluan Britain seperti kemampuan pendaratan tegak dan pelepasan pendek.

Tidak diketahui sebanyak mana sumbangan kewangan Singapura yang digunakan dalam program JSF. Tetapi dijangkakan Singapura menyumbangkan tidak kurang RM200 juta. Perlu diingat sumbangan terhadap program JSF ini tidak termasuk kos pembelian.

Rejim Israel telah pun memberikan input keperluan mereka mengikut pengalaman berperang dengan pejuang Palestin.

Tidak diketahui apakah keperluan Singapura tetapi besar kemungkinan Angkatan Tentera Singapura (SAF) sudah pun menggaris keperluan dan kehendak mereka.

Kemampuan membuat pendaratan secara tegak dan juga mampu berlepas pada landasan yang pendek sudah tentu menjadi keperluan utama kerana kekangan keluasan tanah dimiliki mereka.

Oleh kerana SAF juga memiliki kapal terbang pengintip tanpa pemandu Scout, maka avionik F-35 sudah tentu akan direka bentuk supaya dapat berinteraksi dengan Scout.

Begitu juga pemilikan kapal terbang pengisi minyak KC-135 dan peluru berpandu udara ke udara AIM-120C akan menjadi titik tolak SAF untuk mengemukakan keperluan F-35 mereka.

Tidak dapat dipastikan sama ada SAF juga memiliki peluru berpandu JDAM yang dipandu arah oleh satelit GPS yang banyak digunakan dalam Perang Afghanistan dan mungkin dalam serangan terhadap Iraq.

Pemilikan JDAM amat terhad kerana selain AS, hanya negara Pakatan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) dan Israel dibenarkan memiliki JDAM.

Jika benar SAF juga memiliki JDAM, maka kombinasi penggunaan jet pejuang F-16 dan F-35 bersama dengan KC-135 dan AIM-120C akan menjadikan SAF sebagai kuasa udara yang dominan di rantau Asia.

Malah, tidak keterlaluan dikatakan jika AS adalah polis dunia, maka kombinasi kekuatan udara Singapura dan Australia akan menjadikan mereka sebagai jaguh Asia.

Perlumbaan senjata yang sedang berlaku di antara dua kelompok, iaitu sekutu AS dan bukan sekutu AS, sekali gus bermakna dunia tidak akan bertambah aman.

Kelebihan senjata dimiliki Britain dan Itali pasti akan menggoncang rantau Kesatuan Eropah (EU) dan Nato seperti juga kelebihan melampau Israel membuat negara Yahudi itu tidak menghormati langsung kedaulatan negara Arab lain.

Sama juga dengan kelebihan ketenteraan bakal dimiliki Singapura, Taiwan, Jepun dan Australia bakal menjadikan rantau Asia semakin tidak stabil.

Memang benar bahawa perlumbaan senjata secara amnya tidak akan membabitkan konflik ketenteraan tetapi jika sesebuah negara memiliki kelebihan ketenteraan ketara berbanding negara lain, maka situasi ini pasti mengundang padah.

Ini kerana negara yang berasa mereka lebih kuat akan menjadi bongkak dalam segala tindak-tanduk mereka tanpa mempedulikan pandangan negara yang lebih lemah.

Konflik AS-Iraq mempamerkan betapa negara kuat menindas negara lemah. Konflik India-Pakistan pula menunjukkan bagaimana dua negara kuasa nuklear tidak mahu memulakan peperangan kerana kedua-duanya memiliki kekuatan hampir seimbang dan sama.

Saranan Pengerusi NAM sememangnya kelihatan begitu drastik dan tidak praktikal untuk dilaksanakan tetapi dunia tidak mempunyai pilihan kecuali masyarakat antarabangsa mahu melihat dunia yang porak-peranda.